

Dear TM Customers,

Thank you for your continuous support. As you are aware Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) was passed in 2010 and meant to take effect in 2013. TM values our customer's privacy and in our effort to ensure compliance to the said Act we wish to draw your attention to TM's privacy policy as follows:

What Personal Information Do We Collect?

If you choose to transact with TM i.e. for subscription of any products and / or services or use of TM's Portal, you will be required to provide your [name, identification card number, mailing address, phone number(s), email address(es), contact preferences], and where you intend to use TM's Portal for purposes of making transactions involving online payments, your credit card information will also be collected for the purpose of processing your payments.

You will also be required to explicitly provide your consent to the provision of your personal information aforementioned in the form and manner as indicated in the registration process, failing which you will not be able to subscribe for the products and / or services or register for the use of our Portal.

How We Use Your Personal Information?

Your personal information will be used for processing for all related products and / or services and analysis to provide services to you. Further, we will process your personal information for the following purposes:-

- assessing your application or continued provisioning of the products and / or services (whichever is applicable);
- customizing advertisements and content on TM's website(s) and the sites of TM and its group of companies (for further information on the TM's group of companies, please visit www.tm.com.my);
- responding to your enquiries;
- research purposes including historical and statistical purposes;
- general operation and maintenance of the products and / or services provided including audit and its related website(s);
- verification purposes;
- matching any data held by TM or its group of companies relating to you from time to time;
- provide you with regular communications from TM relating to the products and / or services provided; and
- investigation of complaints, suspected suspicious transactions and research for service or products improvement.

By submitting your information to TM, you consent and authorise TM obtaining and verifying any information about you which TM may require in connection with your application for any of TM's products and / or services and/or review of the existing account with TM from any third party, especially credit bureau or reference agencies. Such consent and authorization herein will extend to any information obtained from any of the account(s) presently maintained for you, any new application for any form of services rendered or products provided by TM, such historical financial or credit records, data or information whether or not provided personally or by any other sources relating to you which was collected, received, captured, compiled, secured and/or obtained by TM through or by whatever means or methods or forms.

Disclosure of Your Personal Information

If you choose to register and transact with TM, your personal information may be shared where necessary and only on a need to know basis with other TM subsidiary or agencies so as to serve you in the most efficient and effective manner. An example might be in terms of resolving or addressing complaints that require escalation to other TM Subsidiary or agencies. TM may disclose your personal information to the following parties for the purposes stated above:-

- TM's service providers or agents who are involved in providing the products and / or services;
- third parties (including those overseas) who provide data processing services;
- any credit reference agencies or, in the event of default, any debt collection agencies;
- any person, who is under a duty of confidentiality to which has undertaken to keep such data confidential, which TM has engaged to fulfil its obligations to you; and
- any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of TM's rights or business.

Your personal information will not be disclosed to any unauthorized third party.

Your personal information may be disclosed due to reasons of law, legal process, litigation, and/or requests from public and governmental authorities and any disclosure will be to such public and governmental authorities only. We may also disclose information about you if we determine that for purposes of national security, law enforcement, or other issues of public importance, disclosure is necessary or appropriate.

If you would like to request access or correction of your personal information, you may contact TM Contact Centre or you can visit the nearest TM Point. Any request of access to correct personal information may be subjected to a fee and also to applicable provisions in the PDPA. However, we reserve the right to decline to process requests which jeopardize the security and privacy of the personal information of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

Where you elect to limit TM's right to process your personal information, you may contact TM Contact Centre or visit the nearest TM Point.

We may review and update this privacy policy from time to time to reflect changes in the law, changes in our business practices, procedures and structure, and the community's changing privacy expectations. While it is not generally feasible to notify you of changes to this privacy policy, the latest version of the privacy policy may be available at www.tm.com.my.

Queries or Complaints

If you have any queries or complaints about this privacy policy, you can contact us at www.tm.com.my via our Feedback section.

Kepada Pelanggan TM,

Terima kasih atas sokongan anda yang berterusan. Seperti yang anda ketahui Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) telah diluluskan pada tahun 2010 dengan bertujuan untuk dikuatkuasakan pada tahun 2013. TM menghargai privasi pelanggan kami dan dalam usaha untuk memastikan pematuhan kepada Akta tersebut kami ingin menarik perhatian anda kepada dasar privasi TM seperti berikut:

Apakah Maklumat Peribadi Kami Kumpul?

Jika anda memilih untuk bertransaksi dengan TM iaitu untuk melanggan mana-mana produk dan / atau perkhidmatan atau penggunaan Portal TM, anda akan dikehendaki untuk memberikan [nama anda, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, cara perhubungan pilihan anda], dan sekiranya anda berniat untuk menggunakan Portal TM bagi tujuan membuat transaksi yang melibatkan pembayaran dalam talian, maklumat kad kredit anda juga akan dikumpul bagi tujuan pemprosesan bayaran anda.

Anda juga perlu memberikan persetujuan eksplisit anda untuk pemberian maklumat peribadi seperti yang dinyatakan di atas dalam bentuk dan cara seperti yang dinyatakan dalam proses pendaftaran, dan jika anda gagal berbuat sedemikian, anda tidak akan dapat untuk melanggan produk dan / atau perkhidmatan atau mendaftar untuk menggunakan Portal kami.

Bagaimanakah Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda?

Maklumat peribadi anda akan digunakan untuk pemprosesan bagi semua produk dan / atau perkhidmatan berkaitan dan analisis untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda. Selanjutnya, kami juga akan memproses maklumat peribadi anda bagi tujuan-tujuan berikut:-

- menilai permohonan atau perkhidmatan berterusan untuk produk dan / atau perkhidmatan (yang mana berkenaan);
- menyesuaikan iklan-iklan dan kandungan di laman web TM dan di laman-laman web TM dan kumpulan syarikatnya (untuk maklumat lanjut mengenai kumpulan syarikat TM, sila layari www.tm.com.my);
- memberi respon kepada pertanyaan-pertanyaan anda;
- penyelidikan termasuk untuk tujuan sejarah dan statistik;
- operasi-operasi am dan penyelenggaraan produk dan / atau perkhidmatan yang diberikan termasuk audit dan laman-laman web yang berkaitan;
- pengesahan;
- memadamkan apa-apa data yang dipegang oleh TM atau kumpulan syarikatnya yang berkaitan dengan anda dari masa ke semasa;
- membekalkan anda dengan komunikasi dari masa ke semasa daripada TM, yang berkaitan dengan produk dan / atau perkhidmatan yang diberikan; dan
- siasatan aduan, transaksi-transaksi yang mencurigakan dan penyelidikan untuk memperbaiki perkhidmatan dan produk.

Dengan mengemukakan maklumat anda kepada TM, anda mengizinkan dan memberi kuasa kepada TM untuk memperolehi dan mengesahkan apa-apa maklumat mengenai anda yang mungkin dikehendaki oleh TM yang berkaitan dengan permohonan anda untuk mana-mana produk dan / atau perkhidmatan TM dan/atau semakan akaun anda yang sedia ada dengan TM, dari mana-mana pihak-pihak ketiga, terutamanya biro kredit atau agensi rujukan. Keizinan dan pemberian kuasa di sini akan dilanjutkan kepada apa-apa maklumat yang diperolehi dari mana-mana akaun yang dikekalkan untuk anda pada masa ini, apa-apa permohonan baru untuk apa jua bentuk perkhidmatan yang diberikan atau produk yang diberikan oleh TM, rekod sejarah kewangan atau kredit, data atau maklumat sama ada dibekalkan oleh diri sendiri atau dari sumber-sumber lain yang berhubungan

dengan anda yang telah dikumpul, diterima, diambil, disusun, didapati dan/atau diperolehi oleh TM dengan apa jua cara atau kaedah atau bentuk.

Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Jika anda memilih untuk mendaftar dan bertransaksi dengan TM, maklumat peribadi anda mungkin akan dikongsi di mana perlu dan hanya atas dasar perlu tahu sahaja dengan subsidiari atau agensi-agensi TM supaya anda boleh dilayani dengan cara yang paling efisien dan efektif. Contohnya, mungkin dari segi menyelesaikan atau menangani aduan-aduan yang memerlukan perhatian dan penglibatan daripada subsidiari-subsidiari atau agensi-agensi TM. TM mungkin akan mendedahkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak berikut untuk tujuan yang dinyatakan di atas:-

- pembekal-pembekal perkhidmatan atau ejen-ejen TM yang terlibat dalam menyediakan produk dan / atau perkhidmatan;
- pihak ketiga (termasuk yang di luar negara) yang menyediakan perkhidmatan pemrosesan data;
- mana-mana agensi rujukan kredit atau, sekiranya berlaku kemungkiran, mana-mana agensi pemungutan hutang;
- mana-mana orang, yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan yang telah mengaku janji untuk memastikan data tersebut disimpan secara rahsia, yang telah dilantik oleh TM untuk memenuhi tanggungjawabnya kepada anda; dan
- mana-mana pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta atau sub-peserta hak atau perniagaan TM.

Maklumat peribadi anda tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak berautoriti.

Maklumat peribadi anda mungkin akan didedahkan atas sebab-sebab undang-undang, proses-proses undang-undang, litigasi, dan/atau permintaan dari pihak berkuasa awam dan kerajaan dan pendedahan akan dibuat kepada pihak berkuasa awam dan kerajaan berkenaan sahaja. Kami juga mungkin akan mendedahkan maklumat mengenai anda sekiranya kami menentukan bahawa pendedahan adalah perlu atau sesuai bagi tujuan keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang, atau isu-isu kepentingan awam.

Jika anda ingin meminta akses atau pembetulan maklumat peribadi anda, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan TM atau anda boleh melawat TM Point yang terdekat. Mana-mana permintaan akses untuk pembetulan maklumat peribadi mungkin tertakluk kepada fi dan juga peruntukan yang terpakai dalam PDPA. Walau bagaimanapun, kami berhak untuk menolak permintaan untuk memproses yang menjejaskan keselamatan dan privasi maklumat peribadi orang lain serta permintaan yang tidak praktikal atau tidak dibuat dengan suci hati.

Jika anda memilih untuk menghadkan hak TM untuk memproses maklumat peribadi anda, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan TM atau mengunjungi TM Point yang terdekat.

Kami boleh mengkaji semula dan mengemaskini dasar privasi ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dalam undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan, prosedur dan struktur, dan perubahan jangkaan privasi masyarakat. Oleh kerana secara amnya ia adalah tidak praktikal untuk memaklumkan kepada anda tentang perubahan kepada dasar privasi ini, versi terbaru dasar privasi ini boleh didapati di www.tm.com.my.

Pertanyaan atau Aduan

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai dasar privasi ini, anda boleh menghubungi kami di www.tm.com.my melalui bahagian Maklum Balas kami.